

**Memorandum Cadangan Gaji Minimum Sektor Swasta Sabah Diserah Kpd Maznah Bernama
27 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Memorandum cadangan gaji minimum pekerja swasta telah diserahkan kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Mazlan, kata Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid.

Katanya memorandum itu hasil daripada perbincangan Jabatan Tenaga Kerja Sabah dengan Federasi Pengilang Sabah dan persatuan majikan di Sabah.

"Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga telah melaksanakan usaha bagi menyokong usaha ke arah pengwujudan gaji minimum di negeri ini.

"Jabatan ini menjadi urusetia bagi perundingan gaji antara Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara dengan pihak-pihak berkaitan di tiga kawasan iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau pada awal Ogos tahun lepas," katanya ketika menjawab soalan Au Kam Wah (BN-Elopura) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah di sini Selasa.

Jainab berkata jabatan itu turut mengadakan perjumpaan dengan orang awam untuk menghebahkan maklumat dan memberi kefahaman mengenai gaji minimum dan mendapatkan maklum balas daripada rakan sosial dan golongan berkepentingan iaitu kesatuan sekerja dan persatuan majikan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655090>